

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM
KAWASAN : BERUAS
TARIKH : 11.6.2014 (RABU)
NO. SOALAN : 120

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bilakah cukai import kereta akan dikurangkan atau dimansuhkan supaya rakyat boleh menikmati harga kereta yang lebih murah.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, duti import bagi kenderaan telah dikurang atau dihapuskan di bawah pelbagai perjanjian perdagangan bebas (FTA) yang telah ditandatangani dan dilaksanakan. Namun demikian, penghapusan duti import ini tidak menjamin penurunan harga kereta.

Sebagai makluman, harga kereta ditentukan oleh syarikat-syarikat pengeluar dan pemasang kenderaan berdasarkan faktor pasaran seperti harga komponen *completely knocked down* (CKD) yang diimport dan juga diperolehi dari pasaran tempatan, kadar tukaran mata wang asing, kos pengangkutan, insurans dan kadar faedah pinjaman.

Oleh yang demikian, di dalam pengumuman media mengenai pelancaran Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 yang telah dibuat pada 20 Januari 2014, salah satu perkara yang turut dimaklumkan adalah mengenai kesediaan Kerajaan untuk mengkaji sistem duti eksais apabila kedudukan kewangan bertambah baik.